



KENYATAAN AKHBAR

Ruj Kami : JAI.SEL.BKP/07/018/03 Jld 2 (60)

UNTUK SIARAN SEGERA

PEMERIKSAAN BERSEPADU: PREMIS MAKANAN SEKSYEN 25, SHAH ALAM

SHAH ALAM, 07 Januari 2019 – Pemeriksaan bersepadu telah dijalankan di salah sebuah premis (restoran kedai mamak) di Shah Alam, Selangor, dan premis tersebut bukan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah. Pemeriksaan telah dianggotai oleh beberapa pegawai dari Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan JAIS. Pemeriksaan ini dilakukan berikutan terdapatnya aduan awam yang tular di laman sosial *Whatsapp* dan *Facebook* kerana mengelirukan masyarakat beragama Islam dengan menggantung ayat-ayat al-Quran di dalam premis dan tulisan jawi pada papan tanda perniagaan.

Hasil pemeriksaan mendapati bahawa di dalam sijil pendaftaran syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), premis tersebut merupakan pemilikan perkongsian antara dua individu, di mana seorang beragama Islam dan seorang lagi bukan beragama Islam. Manakala kesemua pekerja premis tersebut adalah beragama Hindu dan hanya terdapat 2 orang pekerja yang beragama Islam. Bekalan bahan mentah seperti daging kambing juga diperolehi daripada pembekal yang tidak memiliki SPHM yang sah.

..2/

**PEMERIKSAAN BERSEPADU:
PREMIS MAKANAN SEKSYEN 25, SHAH ALAM**

Premis tersebut juga didapati tidak menjaga kebersihan dan tahap kebersihan adalah sangat tidak memuaskan. Semasa pemeriksaan, terdapat bahan mentah yang diletakkan terus di atas lantai dan berada dalam keadaan yang sangat teruk (pecah dan berlubang) dan premis tidak menggunakan perangkap minyak (*gris trap*) sepertimana yang telah disyaratkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada restoran-restoran makanan. Apa yang lebih meragukan apabila didapati, premis tersebut telah menggantung bungkus kain kuning di sebelah ayat Al-Quran dan ianya dipercayai sebagai tangkal atau azimat. Premis tersebut juga, turut didapati menjual makanan yang diperolehi daripada pembekal luar yang menggunakan logo halal *generic* (tidak diiktiraf) pada pembungkusan produk,

Tindakan telah diambil oleh Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan JAIS di bawah peruntukan Seksyen 10(a) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 kerana menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina dan pemilik telah diarahkan untuk hadir memberi keterangan di ibu pejabat Jabatan Agama Islam Selangor. Pemilik juga telah diarahkan untuk tidak menggantung ayat Al-Quran di dalam premis dan tidak menjual makanan yang menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf. Selain itu, premis juga diarahkan untuk menutup tulisan jawi pada papan tanda premis yang akan mengelirukan masyarakat beragama Islam dan sekiranya pemilik premis gagal untuk mematuhi arahan tersebut, tindakan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) Akta Perihal Dagangan 2011 akan diambil ke atas premis tersebut.

Jabatan Agama Islam Selangor mengambil kesempatan di sini untuk menyeru dan menasihati masyarakat agar memilih dan mengutamakan premis yang memiliki SPHM yang sah. Jadilah pengguna yang bijak dengan sentiasa menyemak status premis yang memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia melalui laman web rasmi Jabatan Agama Islam Selangor iaitu : www.jais.gov.my.


**PEMERIKSAAN BERSEPADU:
PREMIS MAKANAN SEKSYEN 25, SHAH ALAM**

Sekiranya terdapat mana-mana premis yang diragui atau didapati melakukan kesalahan penyalahgunaan ungkapan dan penandaan halal, masyarakat disarankan untuk melaporkannya kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor di talian 03-5514 3760 / 3486.

Sekian. Terima kasih. Wassalam.

**“MEMBANGUN BANGSA, MEMAKMUR NEGERI”
“BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(SALWANA BINTI AHMAD DAHLAN)
A.I.S., P.P.T., P.J.K.
Timbalan Pengarah (Operasi)
Jabatan Agama Islam Selangor

07 Januari 2019